



Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Ahli Dewan Negeri,
Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan.

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2021**

**PINDAAN KEDUA JADUAL A - PEKELILING PERBENDAHARAAN
NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2019:
GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI
MESYUARAT MAJLIS KERAJAAN NEGERI DAN AHLI DEWAN
NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini adalah bertujuan untuk meminda dan memaklumkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Speaker, Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor, dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal mengenai pindaan kedua kepada Jadual A, Perincian Pengagihan Peruntukan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Speaker Dan Ahli Dewan Negeri (ADN).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2019 (PPNS Bil.1/2019) berhubung Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada 27 Februari 2019 telah menggariskan penggunaan peruntukan tahunan bagi AMMKN, Speaker, ADN, Pegawai Penyelaras dan ADN Bukan Kerajaan berdasarkan bilangan pengundi berdaftar Negeri Selangor yang sah didaftarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).

3. PERINCIAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN TAHUNAN

3.1 Pada tahun 2020, dinamika politik yang berlaku di peringkat negeri menyebabkan penjajaran politik dilaksanakan. Justeru, penyelarasan semula telah dibuat oleh Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

3.2 Pengagihan baharu peruntukan tahunan bagi AMMKN, Speaker, ADN, Pegawai Penyelaras dan ADN Bukan Kerajaan adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-1/2021 yang diadakan pada 13 Januari 2021 dan disahkan oleh MMKN ke-2/2021 pada 20 Januari 2021. Perincian pindaan jadual adalah seperti di **JADUAL A – Pindaan Kedua.**

4. PEMBATALAN

- 4.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1/2019: Pindaan Kedua Jadual A - Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2019: Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Dan Ahli Dewan Negeri Selangor **adalah dibatalkan.**

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor (**PPNS**) **Bil.1/2019** serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“ SELANGOR MAJU BERSAMA ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NOR AZMIE DIRON) D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 1 Februari 2021

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)

JADUAL A – Pindaan Kedua

PERINCIAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN AHLI MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (AMMKN), SPEAKER DAN AHLI DEWAN NEGERI (ADN)

KATEGORI	BILANGAN PENGUNDI (ORANG)	DEWAN NEGERI	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)
AMMKN	Di bawah 45,000	N.16 – SUNGAI TUA	1,100,000.00
		N.38 – PAYA JARAS	
		N.54 – TANJONG SEPAT	
	45,000 - 60,000	N.21 – PANDAN INDAH	1,130,000.00
		N.29 – SERI SERDANG	
		N.41 – BATU TIGA	
		N.45 – BANDAR BARU KLANG	
		N.49 – SUNGAI KANDIS	
		N.50 – KOTA KEMUNING	
	60,000 ke atas	N.25 – KAJANG	1,180,000.00
		N.30 – KINRARA	
TUAN SPEAKER	Di bawah 45,000.00	N.04 – SEKINCHAN	1,100,000.00
AHLI DEWAN NEGERI	Di bawah 45,000.00	N.02 – SABAK	800,000.00
		N.06 – KUALA KUBU BAHARU	
		N.09 – PERMATANG	
		N.10 – BUKIT MELAWATI	
		N.11 – IJOK	
		N.28 – SERI KEMBANGAN	
		N.34 – BUKIT GASING	
		N.42 – MERU	
		N.46 – PELABUHAN KLANG	
		N.52 – BANTING	
		N.53 – MORIB	
		N.56 – SUNGAI PELEK	
	45,000 – 60,000	N.14 – RAWANG	830,000.00
		N.15 – TAMAN TEMPLER	
		N.18 – HULU KELANG	
		N.22 – TERATAI	
		N.23 – DUSUN TUA	
		N.32 – SERI SETIA	
		N.33 – TAMAN MEDAN	
		N.35 – KAMPUNG TUNKU	
		N.36 – BANDAR UTAMA	
		N.39 – KOTA DAMANSARA	

KATEGORI	BILANGAN PENGUNDI (ORANG)	DEWAN NEGERI	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)
AHLI DEWAN NEGERI	45,000 – 60,000	N.40 – KOTA ANGGERIK	830,000.00
		N.47 – PANDAMARAN	
		N.48 – SENTOSA	
	60,000 ke atas	N.26 – SUNGAI RAMAL	880,000.00
		N.27 – BALAKONG	
		N.31 – SUBANG JAYA	
		N.37 – BUKIT LANJAN	
PEGAWAI PENYELARAS	Di bawah 45,000	N.01 – SUNGAI AIR TAWAR	650,000.00
		N.03 – SUNGAI PANJANG	
		N.05 – HULU BERNAM	
		N.08 – SUNGAI BURONG	
		N.12 – JERAM	
		N.13 – KUANG	
		N.44 – SELAT KLANG	
		N.51 – SIJANGKANG	
	45,000 – 60,000	N.07 – BATANG KALI	680,000.00
		N.17 – GOMBAK SETIA	
		N.19 – BUKIT ANTARABANGSA	
		N.20 – LEMBAH JAYA	
		N.24 – SEMENYIH	
		N.43 – SEMENTA	
		N.55 – DENGKIL	
AHLI DEWAN NEGERI BUKAN KERAJAAN	Di bawah 45,000	N.01 – SUNGAI AIR TAWAR	150,000.00
		N.03 – SUNGAI PANJANG	
		N.05 – HULU BERNAM	
		N.08 – SUNGAI BURONG	
		N.12 – JERAM	
		N.13 – KUANG	
		N.44 – SELAT KLANG	
		N.51 – SIJANGKANG	

KATEGORI	BILANGAN PENGUNDI (ORANG)	DEWAN NEGERI	PERUNTUKAN TAHUNAN (RM)
AHLI DEWAN NEGERI BUKAN KERAJAAN	45,000 – 60,000	N.07 – BATANG KALI	150,000.00
		N.17 – GOMBAK SETIA	
		N.19 – BUKIT ANTARABANGSA	
		N.20 – LEMBAH JAYA	
		N.24 – SEMENYIH	
		N.43 – SEMENTA	
		N.55 – DENGKIL	

Nota kaki : Peruntukan tahunan bagi AMMKN dan Speaker adalah berdasarkan pengiraan berikut:

Peruntukan tahunan ADN + RM300,000.00

(berdasarkan bil.pengundi)